

Adat Bersandui (Negeri Sembilan)

Berendui (Kedah)

Norhalim Ibrahim

Jabatan Sains Kemasyarakatan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian Malaysia

SKA 300

Adat Bersandui (Negeri Sembilan)
Dan Adat Berendui (Kedah): Satu Perbandingan

2 April 1990

Prakata

Alhamdulillah, bersyukur kami ke hadrat Allah kerana dapat menyiapkan tugas SKA 300 (Sistem Kekeluargaan Dan Organisasi Sosial).

Kami bersyukur kerana banyak pihak telah membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Setinggi-tinggi terima kasih kepada pensyarah SKA 300. En. Norhalim Ibrahim yang telah banyak memberi komen serta pandangan dalam menjalankan tugas ini.

Jutaan terima kasih juga kepada para penduduk Kampung Pedas dalam daerah Rembau di Negeri Sembilan serta penduduk-penduduk Kg. Mawat, Langkawi yang banyak memberi bantuan bagi memudahkan penyelidikan kami. Ingin kami nyatakan rasa terharu kami di atas segala jasa baik yang dicurahkan.

Tugas ini, banyak memberi kami pengalaman pahit dan manis. Namun yang pentingnya, kami mula mengakui betapa tingginya nilai budaya yang kita punyai. Adat-adat warisan budaya sepatutnya dijaja dan dipelihara dengan baiknya supaya tidak lapuk dek hujan tak lekang dek panas. Kami juga menyedari bahawa adat-adat warisan ini adalah mewarisi kebudayaan nenek moyang terdahulu. Seterusnya mendekatkan kita kepada nilai-nilai murni yang ujud dalam pengalaman adat-adat ini.

Akhir sekali, kami percaya tugas SKA 300 ini akan memberi kami pengalaman dan kefahaman untuk menjalani tugas-tugas lain yang akan kami hadapi kelak.

Sekian, wassalam.

Senarai Kandungan

Muka Surat

Prakata	i
Senarai Kandungan	ii
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Definisi Konsep	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Limitasi Kajian	4
2.0 Adat Bersandui Di Negeri Sembilan	5
2.1 Latar Belakang	5
2.2 Amalan	6
2.2.1 Peralatan	6
2.2.2 Bila Dilakukan Dan Di Mana	8
2.2.3 Siapa Yang Terlibat	8
2.2.4 Bacaan	9
3.0 Adat Berendui Di Negeri Kedah	14
3.1 Latar Belakang	14
3.2 Amalan	15
3.2.1 Peralatan	15
3.2.2 Bacaan	18
3.2.3 Bila Dilakukan Dan Di Mana	22
3.2.4 Siapa yang Terlibat	24
4.0 Perbandingan	27
4.1 Persamaan	27
4.2 Perbezaan	29
5.0 Kesimpulan	33
Bibliografi	35

3.0 Adat Berendui Di Negeri Kedah

3.1 Latar Belakang

Adat berendui merupakan satu adat yang penting dan masih diutamakan di Kampung Mawat, Pulau Langkawi, Kedah. Kampung Mawat merupakan tempat kelahiran Mahsuri dan dibuka sekian lama sebelum Mahsuri dilahirkan lagi. Di salah sebuah rumah di Kampung Mawat ini iaitu di rumah Pandak maya dan Mak Andak Maya telah dilakukan Adat Berendui untuk menyambut kelahiran Mahsuri. Amalan inilah yang diwarisi oleh penduduk Kampung Mawat sehingga kini. Kampung Mawat sendiri telah ditukar namanya kepada Kampung Mahsuri oleh kerajaan Negeri Kedah. Ini adalah kerana, penghargaan kerajaan Negeri Kedah terhadap legenda Mahsuri yang banyak terdapat di Kampung Mawat terutamanya Makam Mahsuri. Kampung Mahsuri kini menjadi satu tempat tumpuan pelancong dari luar dan dalam negeri.




Gambar menunjuk dua orang responden di Kampung Mawat, Langkawi.
Dari kiri : Pak Cik Hassan Ali dan Pak Cik Shahidan

Adat ini telah dipertontonkan kepada pelancong-pelancong yang datang mengunjungi perkampungan ini. Apa yang amat membanggakan penduduk-penduduk Kampung Mawat masih mengamalkan adat ini dengan sepenuhnya iaitu dalam peratusan 90%. Pada masa ini, amalan adat berendui di sini masih belum mengalami sebarang perubahan kerana ianya terpelihara oleh golongan-golongan tua di Kampung Mawat. Namun begitu, golongan tua itu sendiri mengakui bahawa mereka sendiri tidak menjamin bahawa adat ini akan terus terpelihara memandangkan golongan muda di sana tidak menunjukkan minat untuk mewarisi adat tersebut.

3.2 Amalan

3.2.1 Peralatan

Beberapa peralatan digunakan di dalam proses pengamalan adat berendui ini. Menurut penduduk-penduduk kampung di sini, peralatan-peralatan ini diwarisi dari peralatan-peralatan yang digunakan di dalam adat berendui di zaman Mahsuri. Peralatan-peralatan itu terdiri daripada buaian kain, karangan bunga, air, tali dan sebatang kayu.



Buaian yang telah di hias digunakan di dalam upacara berendui

Peralatan pertama ialah buaian kain. Ia terdiri daripada beberapa lapisan kain yang disusun berlapis-lapis di dalam buaian tersebut. Lapisan kain-kain tersebut boleh terdiri daripada 1,3,5 atau sebanyak-banyaknya 7 lapisan. Ia boleh digunakan dengan pelbagai warna yang disukai terutamanya warna kuning, hitam atau merah. Buaian itu diikat kepada sebatang kayu yang kuat sepanjang kira-kira 1/2 meter. Seterusnya digantung dengan kain pada alang rumah. Panjang talu kain ini bergantung kepada tinggi alang rumah.

Fungsi buaian tersebut pula ialah untuk meletakkan bayi yang dibuaikan atau di ayun. Penggunaan peralatan-peralatan tersebut mempunyai sebab-sebab yang tertentu. Pertama, tujuan penggunaan lapisan kain mengikut angka ganjil adalah mengikut syariat Nabi Muhammad (s.a.w). Misalnya angka 7 banyak digunakan di dalam ibadah Haji seperti Tawaf, Saie dan melontar batu di Jamrah.

Kedua, penggunaan kain mengikut warna Cuma untuk memperlihatkan buaian yang cantik sahaja. Manakala warna kuning digunakan sebagai lambang warna Di Raja atau pun golongan bangsawan yang mana dipercayai Mahsuri adalah berasal dari golongan bangsawan. Warna merah melambangkan keberanian manakala warna hitam melambangkan kekuatan dalam ilmu pertahankan diri.



Salah satu peralatan utama iaitu air

Peralatan kedua ialah karangan bunga yang dililit pada kain yang mana menggantungkan buaian pada alang rumah. Karangan bunga terdiri dari pelbagai jenis bunga yang harum. Misalnya bunga melur, kenangan, cempaka dan sebagainya. Fungsi karangan bunga tersebut ialah untuk menghias buaian supaya kelihatan cantik. Karangan bunga juga merupakan satu simbol yang diharapkan bayi. Bayi akan melihat satu pandangan yang indah di dalam hidupnya. Ini bermaksud, kehidupan bayi itu aman, tenteram dan bahagia sentosa.

Bagi penduduk masa lalu, mungkin tiada hiasan yang dapat difikirkan untuk menghias buaian tersebut kecuali dengan karangan bunga yang cantik lagi harum. Namun begitu, pada masa ini hiasan-hiasan lain juga digunakan, misalnya kertas yang berkilat-kilat dan sebagainya. Peralatan yang ketiga pula ialah yang diletakkan di dalam sebuah bekas. Ia digunakan untuk diminum dan direnjis sedikit supaya segar.

Sejenis tali diikat pada buaian kain yang digunakan untuk menarik atas buaian tersebut. Ini dilakukan semasa lagu-lagu berendui 'dikir' dinyanyikan. Peralatan ke lima ialah tepak sirih merupakan hidangan untuk para jemputan terutamanya orang-orang tua. Tepak sirih ini disertakan di dalam majlis tetapi ia bergantung kepada minat dan kesukaan orang-orang kampung pada zaman dahulu memakan sirih. Sama ada golongan rakyat jelata. Pada masa ini. Tepak sirih masih digunakan di dalam upacara berendui ini. Ini adalah kerana tepak sirih merupakan sebagai satu warisan.

Pada Masa Sekarang

Peralatan-peralatan tersebut masih digunakan sepenuhnya kecuali karangan bunga. Ia mula ditukar kepada hiasan lain seperti kertas berkilat-kilat (seperti dalam gambar) dan sebagainya.

3.2.2 Bacaan

Sepanjang perjalanannya upacara adat berendui di Kampung Mawat ini, terdapat buah dikir yang utama yang mengiringi upacara tersebut. Nyanyian dikir ini biasanya dilakukan oleh 4 orang atau 5 orang-orang tua di kampung itu. Semasa kajian ini mereka ini semua seperti yang telah dinyatakan terdiri daripada golongan tua, kumpulan penyelidikan sempat merakamkan nyanyian dikir tersebut (pita) dan di bawah di catatkan lirik bagi dikir tersebut:

1. Ayuhai Anak

Ayuhai anak muda bestari
Di dalam buaian.....bestari basari
.....dengarlah pesanan kami
memberi jasa ibu bapa
jangan durhakai 2x

Bila kamu dewasa.....nanti
Pada mereka.....jangan durhakai
Jika kamu melanggar pesanan ini
Tuhan murka.....
Di akhirat.....nanti 2x

Jadilah kamu anak bahagia
Pesanan kami.....jangan dilupakan
Jasa ibu bapa.....mesti dihargai
Walaupun mereka
Sudah tiada..... 2x

2. Kanak-Kanak Budiman

Kanak-Kanak budiman

Percayalah sungguh.....hadis dan al-firman

Mintalah kamu masukkan iman.....2x

Mengikut sabda nabi akhir zaman

Ertilah budi orang yang lebih

Cahayalah muka sangat yang bersih

Tiada dibanding, tiada terpilih 2x

Ibu bapamu.....sangat yang bersih

Cukuplah umur 7 tahun

Disuruh mengaji kitab dah khusus

....jalan makrifat sangat yang betul.....

Sekelian ibadah baharu terhimpun

3. Umat Islam

Umat Islam sebaik umat.....

Wasiatkan dari Nabi.....Muhammad

Jikalau kita hidup....berpakat

Hiduplah kita.....bertambahlah.....erat

Wajiblah kita menjagalah diri.....

Cubaan hidup banyak sekali.....

Janganlah kita pentingkan diri.....


Tiap-tiap yang hidup menuju ke mati.

Bersatulah kita wahai umat Islam
Jauhlah kita....segala perpecahan
Mutiara hidup.....inilah jalan
Menujulah kita hai akhir zaman.

Jika kita lihat dan perhatikan, setiap dikir yang telah dituliskan liriknya, maka apa yang jelas yang dapat kita katakan ialah kesemuanya mengandung kata-kata nasihat yang ditujukan kepada bayi yang berkenaan. Pendikir cuba menyelitkan kata-kata yang berupa nasihat kepada bayi seperti menghormati ibu bapa dan jangan menderhakai mereka serta mentaati dan mempercayai Allah dan Rasul. Pendikir juga mengingatkan bayi tersebut akan cubaan-cubaan hidup yang bakal ditempuhinya kelak. Ini jelas disebutkan dalam dikir ketiga iaitu dalam baris yang kedua pada bait yang kedua.

Jika dibandingkan dengan keadaan pada masa dahulu, lirik lagu ini telah mengalami sedikit perubahan selari dengan peredaran masa. Pada masa dahulu, perkataan-perkataan yang digunakan di dalam bacaan yang terdapat di dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu yang sukar difahami oleh golongan muda sekarang ini.

Apa yang jelas ialah irama lagu dikir itu sendiri, walaupun seperti yang dikatakan liriknya telah mengalami perubahan namun irama(rentak) lagunya tetap sama seperti masa dahulu. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan identiti yang tersebut yang menurut penduduk dari sana ialah berasal dari pedagang-pedagang bangsa Arab (Parsi) yang datang berniaga ke Pulau Langkawi pada masa dahulu. Menurut mereka lagi ketiga-tiga lagu dikir itu telah dinyanyikan juga bertujuan sebagai kesinambungan kepada warisan Nabi Muhammad S.A.W.



Gambar atas ; menunjukkan tiga dari empat ahli sedang melagukan dikir Endui.

Gambar bawah; menunjukkan ketua Endui sedang merujuk kepada seni kata lagu yang akan dinyanyikan

3.2.3 Bila Dan Di Mana Dilakukan

Adat berendui dilakukan selepas bayi bercukur rambut dan diberi nama. Nama bayi diberikan semasa upacara mencukur rambut dijalankan. Mengikut penduduk Kampung Mawat, upacara bercukur rambut bayi diadakan secara berasingan daripada upacara adat berendui atau pun diadakan serentak pada hari yang sama.

Biasanya, upacara mencukur rambut bayi dijalankan selepas 7 hari bayi itu dilahirkan. Namun begitu, jangka masa itu boleh ditangguhkan mengikut kepercayaan kedua ibu bapa bayi untuk membayar ‘mengkeras’ kepada bidan kampung. ‘Mengkeras’ merupakan upah di dalam bentuk wang diberikan kepada bidan kampung yang menjalankan upacara mencukur rambut bayi. Keadaan ini berlaku di Kampung Mawat memandangkan penduduk-penduduk Kampung Mawat terdiri daripada petani-petani miskin. Masa diperlukan bagi mendapatkan duit mengkeras ini.

Oleh itu. Kadang kala adat mencukur rambut bayi dilakukan selepas 14 atau 21 hari iaitu mengikut angka ganjil. Adat berendui akan dijalankan pada bila-bila masa atau hari selepas upacara mencukur rambut bayi dijalankan. Pilihan hari untuk melakukan adat berendui ditentukan oleh ibu bapa bayi atau keluarga bayi tersebut (datuk, nenek dan sebagainya).

Upacara ini akan dilangsungkan di rumah kediaman ibu dan bapa bayi tersebut. Di Langkawi rumah kediaman ibu dan bapa bayi adalah mengikut pola partrilokal. Ini bermakna, seseorang isteri akan mengikut suaminya tinggal di tempat atau kelompok suaminya.

Semasa adat ini dijalankan, tiada sebarang kenduri diadakan. Ini bermakna, sesuatu majlis itu diadakan Cuma untuk mengadakan upacara berendui ke atas bayi tersebut. Cuma hidangan air seperti air kopi akan disediakan untuk tetamu. Walau bagaimana pun, sekiranya majlis berendui diadakan serentak dengan majlis bercukur rambut bayi, berkemungkinan sedikit hidangan akan disediakan.



Gambar menunjuk bayi di dalam buaian semasa upacara berendui dijalankan

Buaian akan digantung di ruang rumah yang besar iaitu di ruang tamu. Ini adalah untuk membolehkan para jemputan menyaksikan dan mendengar lagu-lagu yang dinyanyikan semasa upacara dijalankan.

Pada Masa Sekarang

Adat berendui masih dilakukan mengikut adat yang diwarisi. Namun begitu, pada masa ini, upacara berendui dilangsungkan bersama-sama majlis kenduri iaitu misalnya kenduri kahwin.

3.2.4 Siapa Yang Terlibat

Terdapat beberapa golongan yang terlibat dalam melangsungkan upacara adat berendui ini. Golongan-golongan tersebut terdiri daripada tuan rumah. Ibu bapa bayi penghulu kampung, jiran tetangga dan mereka yang akan menyanyikan lagu-lagu endui.

Tuan rumah ialah ketua keluarga di dalam sesebuah rumah itu. Jika bapa bayi masih tinggal di rumah ibu dan bapanya, maka datuk kepada bayi tersebut akan menjadi tuan rumah. Begitulah juga sekiranya hanya ayah bayi yang mendiami rumah tersebut, bapa si bayi akan menjadi tuan rumah. Tuan rumah ini akan mengundang mereka yang terlibat iaitu tukang endui, jiran-jiran, saudara mara dan bidan kampung. Tuan rumah juga akan menyambut kedatangan para jemputan.

Jiran-jiran yang dijemput adalah mereka yang tinggal sekampung dan berdekatan dengan rumah 'tuan rumah' yang akan melangsungkan upacara berendui. Jiran-jiran tersebut akan mengunjungi rumah tersebut pada hari yang ditetapkan. Mereka akan menonton, mendengar dan menghayati lagu-lagu endui yang dinyanyikan. Pada masa dahulu, lagu-lagu endui merupakan satu hiburan kepada penduduk-penduduk kampung. Lagu-lagu itu dianggap merdu dan menjadi ikutan penduduk-penduduk kampung. Upacara berendui ini disambut dengan meriahnya oleh penduduk-penduduk kampung.

Penghulu merupakan tetamu paling penting yang dijemput oleh tuan rumah. Penghulu kampung adalah orang penting dan sentiasa mengikuti majlis yang diadakan oleh penduduk-penduduk kampung. Bidan kampung pula merupakan seorang yang penting di dalam sebarang upacara berkaitan dengan bayi. Oleh itu, bidan kampung akan turut hadir dalam upacara adat berendui ini.




Antara penduduk yang hadir semasa upacara berendui

Orang yang akan membuai bayi tersebut merupakan bayi sendiri. Ibu pada bayi akan membuai dengan menarik tali yang diikat kepada buaian tersebut. Akhir sekali, golongan penting akan menghidupkan upacara berendui terdiri daripada 4 atau 5 orang lelaki. Mereka akan menyanyikan lagu-lagu 'endui' beramai-ramai. 4 orang lelaki tersebut akan duduk bersila mengelilingi buaian tersebut. Nyanyian lagu-lagu endui ini mengambil masa di antara 15 hingga 30 minit. Jika didengar dengan teliti setiap lagu yang dinyanyikan mengandungi 3 nadi dan rangkap. Lagu-lagu tersebut merupakan lagu-lagu lama yang diwarisi dari zaman Mahsuri.


Pada Masa Sekarang

Upacara ini masih dilangsungkan di Kampung mawat. Namun begitu upacara begini tidak lagi mendapat sambutan di kalangan pemuda pemudi. Mereka tidak berminat untuk menghadiri upacara berendui, jauh sekali untuk menghayati lagu-lagu endui yang dinyanyikan.

Pemuda pemudi sudah mula terdedah kepada budaya moden seperti lagu-lagu baru yang mempunyai rentak moden. Lagu-lagu endui bukan lagi merupakan lagu hiburan kepada anak-anak muda di kampung. Cuma serangkap dua daripada lagu-lagu endui dinyanyikan oleh para ibu untuk mendodoikan anak di buaian. Cuma golongan tua yang masih cuba menghidupkan adat berendui ini di Kampung Mawat. Namun begitu, pada masa kini, beberapa lagu endui yang baru diperkenalkan.



Kedua - dua gambar menunjukkan empat orang tukang Endui semasa ditemu bual.



Gambar kenangan empat orang ahli kumpulan bersama empat orang tukang Endui.

4.0 Perbandingan

Perbandingan di antara adat berendui (di Kedah) serta adat bersandui (Negeri Sembilan) menghasilkan beberapa persamaan dan perbezaan yang jelas. Persamaan dan perbezaan ini dapat dilihat dari aspek latar belakang sejarah kedua adat, pengamalan adat tersebut iaitu dari segi peralatan, situasi, masa dan tempat dilakukan serta faktor-faktor tertentu yang mempengaruhi pengamalan adat ini.

4.1 Persamaan

Selepas penyelidikan, kami mendapati tujuan adat ini dilakukan adalah sama di kedua buah negeri. Di mana adat berendui dan bersandui dijalankan untuk menyambut kelahiran bayi selepas dicukur rambutnya serta dibuai di dalam buaian khas diiringi dan lagu-lagu nasihat.

Bibliografi

1. Dussek, O.T (1917), Hair Cutting Ceremony, Royal Asiatic Journal, Volume 19, Jilid XV 11, muka surat 119.
2. Harun Mat Piah (1980), Upacara Adat Bersandui Di Negeri Sembilan', Dewan Budaya Oktober, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur